



SIARAN MEDIA

PLANMALAYSIA CITYTALK '26 PERKASA PEMBANGUNAN BANDAR MELALUI INOVASI DAN TADBIR URUS PROGRESIF

KUALA LUMPUR, 29 Jun 2026 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), melalui Kelab Kebajikan dan Sukan Perancang Bandar Malaysia (KESPERB), telah menganjurkan PLANMalaysia CityTALK '26 sebagai platform strategik untuk memperkukuh agenda transformasi pembangunan bandar negara melalui pendekatan perancangan yang lebih progresif, inovatif dan berorientasikan masa hadapan.

Persidangan yang berlangsung di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur itu menghimpunkan lebih 200 penggubal dasar, perancang bandar, arkitek, pemaju, ahli akademik serta peneraju industri bagi membincangkan hala tuju pembangunan bandar yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Bertemakan "Inovasi dalam Pembangunan Bandar: Kreativiti vs. Pematuhan", persidangan ini menjadi wadah perkongsian idea, pengalaman dan amalan terbaik dalam memperkukuh sistem perancangan bandar negara agar lebih responsif terhadap cabaran semasa seperti perubahan iklim, transformasi digital, perubahan demografi dan peningkatan urbanisasi.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, yang menegaskan komitmen Kerajaan MADANI untuk terus memodenkan ekosistem perancangan negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menurut beliau, sistem perancangan bandar negara perlu beralih daripada pendekatan "mengawal" kepada "memudah cara" (facilitative planning) bagi membolehkan inovasi berkembang tanpa mengabaikan kepentingan awam, keselamatan, kemampanan dan tadbir urus yang baik.

"Peraturan diwujudkan bagi melindungi kepentingan awam, namun ia tidak seharusnya menjadi penghalang kepada inovasi. Sistem perancangan negara perlu beralih daripada budaya mengawal kepada budaya yang memudah cara pembangunan yang bertanggungjawab," kata beliau.

Pendekatan tersebut selari dengan kerangka Ekonomi MADANI yang mengangkat konsep "menaikkan lantai" melalui penyediaan perlindungan sosial dan akses kepada kemudahan asas, serta "menaikkan siling" menerusi galakan terhadap pelaburan, inovasi dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Empat sesi dialog yang berlangsung sepanjang persidangan telah menggariskan pelbagai cadangan bagi memperkukuh sistem perancangan bandar negara. Antara fokus utama ialah penyediaan perumahan yang lebih fleksibel bagi memenuhi perubahan demografi, penggalakan inovasi pembangunan secara mendatar dan menegak serta penambahbaikan kerangka kawal selia yang lebih responsif terhadap keperluan pembangunan semasa.

Sebagai langkah pelaksanaan, projek rintis Sekolah Vertikal di Putrajaya, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur diketengahkan sebagai penyelesaian inovatif dalam mengoptimumkan penggunaan tanah di kawasan berpenduduk padat tanpa menjejaskan kualiti kemudahan pendidikan.

Persidangan turut menekankan kepentingan penyediaan ruang hijau bandar yang lebih berdaya hidup melalui kerjasama sektor awam, swasta dan komuniti. Komitmen ini diterjemahkan menerusi penyediaan 216 Taman MADANI di seluruh negara.

Di samping itu, pembangunan bandar pintar berasaskan data, Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) serta pengukuhan ketersambungan first and last mile terus diperkasa bagi mewujudkan bandar yang lebih cekap, mudah diakses dan berpusatkan rakyat.

Program ini turut menampilkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh, dalam Sesi Perkongsian Khas yang menekankan kepentingan penyediaan ruang awam yang inklusif, selamat dan berkualiti sebagai pemangkin kepada kesejahteraan komuniti serta peningkatan daya huni bandar.

Ucapan Dasar pula telah disampaikan oleh Penasihat Hartanah PETRONAS, YBhg. Dato' Seri TPr. (Dr.) Maimunah Mohd Sharif, yang berkongsi perspektif strategik mengenai pembentukan bandar raya yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim melalui tadbir urus bandar yang bersepadu, inovasi serta kerjasama erat antara kerajaan, industri dan masyarakat.

Penganjuran PLANMalaysia CityTALK '26 turut memperkukuh peranan PLANMalaysia sebagai peneraju agenda perancangan bandar negara dalam mendukung pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) serta komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Agenda Bandar Baharu (New Urban Agenda).

Pendekatan yang diketengahkan melalui persidangan ini dijangka menjadi pemangkin kepada pembentukan dasar dan amalan perancangan bandar yang lebih progresif, mampan dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

PLANMalaysia CityTALK '26 membuktikan komitmen berterusan PLANMalaysia dalam memperkasa sistem perancangan bandar negara agar kekal relevan dengan cabaran masa hadapan. Idea, pandangan dan syor yang dihimpunkan sepanjang persidangan ini akan menjadi input strategik dalam memperkukuh dasar serta ekosistem perancangan bandar negara, sekali gus menyokong pembangunan bandar yang lebih inovatif, inklusif, mampan dan berdaya tahan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat serta merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI

#Kemampanan

#Kesejahteraan

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my